

29/08/1998

Mahathir jadi model perjuangan PBB

KUCHING, Jumaat - Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai model kepada parti itu dalam perjuangannya membangunkan semua lapisan masyarakat di negeri ini.

Parti tonggak Barisan Nasional (BN) Negeri itu juga sentiasa menjadikan corak kepemimpinan Perdana Menteri sebagai landasan dalam menangani apa jua masalah serta cabaran yang dihadapi masyarakat pelbagai kaum di Sarawak.

Yang Dipertua parti itu, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata keadilan cara bertindak yang diamalkan Perdana Menteri sentiasa menjadi panduan dan landasan perjuangan PBB.

"Perdana Menteri kita sentiasa memperjuangkan apa yang terbaik untuk Malaysia sehingga kita dianggap salah satu kuasa ekonomi Asia," katanya pada Perhimpunan Agung PBB kesembilan, di sini hari ini.

Upacara perasmian dilakukan Perdana Menteri. Hadir sama bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba serta dua Timbalan Yang Dipertua PBB, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang dan Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha.

Ketua Menteri Sarawak itu berkata, sebagai pemimpin Umno, kedatangan Dr Mahathir ke negeri itu juga membuktikan wujud kerjasama antara PBB dan Umno sejak 10 tahun dahulu hingga sekarang.

"Mulai zaman Perikatan hinggalah ke hari ini, sebenarnya banyak pengalaman Umno telah kami (dalam PBB) pelajari dan kami ambil sebahagian daripadanya sebagai panduan untuk memajukan perpaduan serta perjuangan PBB di Sarawak.

"Oleh itu, setiap kali Perdana Menteri merasmikan perhimpunan agung PBB, kami rasa semakin hari semakin rapat hubungan kami dengan Umno," katanya.

Taib berkata, keadilan kepemimpinan pemimpin negara itu juga menjadi teladan kerajaan peringkat negeri termasuk di Sarawak, dalam mentadbir negeri itu.

"Pada hari ini, semua kaum di Sarawak menganggap diri mereka sama rata.

"Orang Iban misalnya tidak lagi menganggap diri mereka rendah daripada orang Melayu atau Cina kerana mereka diberikan peluang yang sama.

"Kami menganggap Perdana Menteri sebagai model perjuangan dalam PBB.

"Kalau Yang Amat Berhormat (Dr Mahathir) berjaya, kami yakin kami juga boleh berjaya," katanya.

Beliau berkata, sepanjang menerajui negara ini, Dr Mahathir bekerja untuk menyusun dasar adil dari Perlis hinggalah ke Sabah.

Menurutnya, tugas berkenaan nampak senang kerana ia sudah lama diamal, tetapi bagi mereka yang tahu keadaan sebenar di Malaysia, tugas itu bukanlah mudah untuk dilaksanakan.

(END)